



PELAJAR terbaik keseluruhan, Siti Khadijah Mappeneding dari Sabah (tengah) mendapat ucapan tahniah daripada rakan-rakan sekuliah di majlis Konvokesyen ke-3 Issaniah di Wisma Darul Aman, Alor Setar, semalam.

Langkah naikkan taraf Insaniah dipuji

Oleh
NIZAM ABDUL HAMID

ALOR SETAR 21 Sept. — Sultan Kedah menyifatkan langkah kerajaan negeri menaikkan taraf Institut Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (Insaniah) kepada universiti sebagai satu langkah yang bijak. Baginda bertitah, usaha mewujudkan universiti Islam Kedah itu akan meletakkan Insaniah ke taraf yang lebih tinggi dalam bidang ilmu. “Sudah tiba masanya negeri Kedah mempunyai sebuah universiti Islam yang mampu menyebarkan

ilmu-ilmu Islam dengan lebih efisien dan berdaya saing dengan universiti tempatan dan luar negara,” titah baginda.

Sultan Kedah bertitah demikian pada majlis Hafluttakharruj atau Konvokesyen Insaniah kali ketiga di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman di sini hari ini.

Baginda yakin universiti Islam yang dijangka dapat ditubuhkan pada tahun depan itu mampu menonjolkan dirinya dan menunjukkan kecemerlangan di peringkat dunia.

“Sebagai sebuah universiti kelak, ia perlu ber-

daya saing bagi mengeluarkan graduan berkualiti dan diterima di semua peringkat,” titah baginda.

Hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, anggota Exco kerajaan negeri dan Pengarah Insaniah, Profesor Dr. Marzuki Mahmud.

Sebanyak 100 pelajar Kuliah Bahasa Arab, Kuliah Syariah dan Usuludin menerima diploma manakala 46 lagi menerima ijazah sarjana muda daripada Sultan Kedah pada majlis tersebut.

Sementara itu, pelajar Kuliah Bahasa Arab, Siti Khadijah Mappeneding,

21, dipilih sebagai penerima Anugerah Khas Sultan Kedah kerana cemerlang dalam akademik.

Menurut Siti Khadijah, beliau bercadang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah dalam bahasa Arab di Universiti Al Azhar, Mesir.

“Saya mahu mendalami lagi bahasa Arab di Mesir dan bercita-cita untuk menjadi pensyarah,” kata anak kelima daripada enam beradik yang berasal dari Tawau, Sabah itu.

Kemenangan itu membolehkan Siti Khadijah menerima hadiah pingat emas, wang tunai RM1,400, sijil dan buku.